

Negara-negara Afrika Perlu Visi Bagi Memacu Pembangunan - Najib Bernama
29 Jun, 2013
Daripada Jamaluddin Muhammad

DAR ES SALAAM (Tanzania), 29 Jun (Bernama) -- Kepimpinan politik negara-negara Afrika memerlukan sebuah visi jelas dalam memacu pembangunan ke peringkat seterusnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di sini Sabtu.

Kepimpinan politik tanpa visi tidak akan mencorakkan hala tuju pembangunan di benua tersebut, katanya pada Dialog Perkongsian Bestari Global di Pusat Konvensyen Antarabangsa Julius Nyerere di sini.

Bercakap kepada wartawan Malaysia kemudian, Najib berkata beliau berkongsi dengan kira-kira 800 peserta bahawa mereka perlu dasar-dasar sains, teknologi dan inovasi dalam menentukan hala tuju pembangunan di negara masing-masing.

"Mereka perlu mengambil kira aspek modal insan dan modal kewangan," katanya sambil menjelaskan negara-negara tersebut perlu merangka pelan pembangunan mengikut keperluan masing-masing kerana tidak ada satu formula yang boleh ditetapkan untuk semua.

Beliau berkata negara-negara Afrika masih mengeksport bahan-bahan mentah dan tidak dapat menikmati pulangan yang setimpal kerana mereka tidak meletakkan nilai tambah kepada eksport mereka.

Mengenai dialog tersebut, Najib berkata Malaysia telah mendapat manfaat daripada penglibatannya dengan rantau itu menerusi dialog tersebut sejak 18 tahun lepas.

"Sebagai hasil dialog ini, rangkaian kami di benua ini adalah lebih baik daripada orang lain dan terdapat lebih banyak peluang untuk diterokai oleh syarikat-syarikat Malaysia, katanya.

Misalnya, antara lain, beliau berkata penglibatan Petronas di Sudan, pembukaan kampus cawangan Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing di Lesotho, Botswana, Kenya dan Swaziland serta seorang ahli perniagaan Malaysia yang berpangkalan di Uganda mengimport perabot bernilai jutaan dolar dari Malaysia ke Uganda.

Najib menyeru ahli perniagaan Malaysia supaya meningkatkan kehadiran mereka di benua itu dan mereka perlu menilai serius peluang-peluang serta memahami keadaan tempatan.

Beliau berkata Dialog Perkongsian Bestari Global itu telah menyediakan keadaan 'menang-menang' untuk Malaysia dan rantau itu berikutan kedua-dua pihak mendapat manfaat sejak ia diperkenalkan pada 1995.

Mengenai manfaat lain, Perdana Menteri berkata Malaysia turut menerima sokongan politik dari rantau itu di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau berkata Malaysia bersedia untuk berkongsi keupayaan teknologi dengan negara-negara Afrika dan mereka berminat dalam teknologi yang digunakan oleh Malaysia bagi pembangunan tanah, ICT dan pendidikan.

Menyentuh mengenai mesyuarat dua hala dengan Presiden Sri Lanka, Mahinda Rajapakse di

luar dialog itu, Najib berkata beliau dijemput oleh pemimpin negara itu untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Colombo dari 15 hingga 17 Nov ini.

Rajapakse adalah antara 14 ketua kerajaan yang menghadiri dialog tersebut di sini.

Presiden Tanzania Jakaya Mrisho Nikwete ketika merasmikan dialog itu malam tadi menyeru negara-negara Afrika melakukan pelaburan dalam sektor sains, teknologi dan inovasi kerana ia penting untuk mentransformasi pembangunan di benua itu.

Beliau berkata negara-negara tersebut perlu melabur dalam pendidikan, penyelidikan dan pembangunan dalam meningkatkan keupayaan teknologi masing-masing.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959802>